
JOM DAFTAR!
DAPATKAN VAKSIN ANDA
PENANG LAWAN COVID-19



16 - 30 JUN, 2021

PENANG 2030

# BULETIN MUTIARA

PERCUMA

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow


# Infrastruktur digital kualiti tinggi

## komited demi rakyat




USAHA untuk meluaskan capaian sambungan internet yang pantas dan stabil hanya boleh direalisasikan dengan pemasangan infrastruktur gentian optik dan telekomunikasi secara meluas termasuk di kawasan luar bandar.

Di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri telah mengambil langkah proaktif dengan menjadikan infrastruktur gentian optik serta telekomunikasi sebagai utiliti asas setaraf bekalan elektrik dan air.

Exco Infrastruktur dan Pengangkutan, **ZAIRIL KHIR JOHARI** berkata bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 17 Disember 2020 telah mengambil keputusan untuk mewajibkan pemasangan infrastruktur gentian optik dan telekomunikasi sebagai kriteria Kebenaran Merancang (KM) kepada semua pemaju di negeri ini.

"Mana-mana pemaju yang ingin memajukan sesuatu kawasan atau bangunan baharu di seluruh negeri Pulau Pinang adalah perlu memastikan infrastruktur gentian optik dan telekomunikasi dimasukkan dalam pelan merancang.

"Perkara ini telah diperuntukkan di bawah Undang-Undang Kecil 25 dan 27, Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 di peringkat pihak berkuasa tempatan.

"(Dan) langkah ini adalah bagi memastikan capaian sambungan internet yang bukan sahaja pantas tetapi juga stabil serta membolehkan Pulau Pinang mencapai matlamat sebagai Negeri Gigabit pertama di Malaysia kelak," ujarnya ketika ditemu bual wartawan Buletin Mutiara, **AINUL WARDAH SOHILLI** bersama-sama jurugambar, **AHMAD ADIL MUHAMAD** di pejabatnya baru-baru ini.

Menurut Zairil, keputusan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mendapat pengiktirafan daripada Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Saifuddin Abdullah, melalui kenyataan media bertarikh 22 Disember 2020.

Dalam kenyataan tersebut, pihak Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) menzahirkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana mengiktiraf infrastruktur telekomunikasi sebagai utiliti awam.

"Malah, pihak kementerian turut menyambut baik usaha Kerajaan Negeri dalam menyokong agenda Kerajaan Persekutuan bagi mengukuhkan lagi kesalinghubungan internet menerusi pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA).

"Lagipun, ia selaras dengan matlamat Visi Penang2030 D2 iaitu mengukuhkan mobiliti, penyambungan dan kemudahan digital.

"Kerajaan Negeri akan terus komited bagi memastikan ketersediaan kemudahan digital yang menyeluruh serta berkualiti tinggi bagi menampung keperluan masa kini.

"Tambahan pula, dalam situasi pandemik COVID-19 ini, lebih ramai yang memerlukan capaian internet yang pantas dan stabil sama ada bagi tujuan pembelajaran mahupun sebagai pemangkin ekonomi digital di negeri ini.

"(Dan) inilah matlamat Pelan Kesalinghubungan Negeri Pulau Pinang atau *Penang Connectivity Master Plan* (PCMP) diperkenalkan, iaitu sebagai agenda pembangunan telekomunikasi negeri," jelasnya yang turut yakin bahawa langkah tersebut juga dapat mempercepatkan proses pelaksanaan teknologi capaian 5G pada masa hadapan.

### Latar Belakang dan Objektif PCMP

Bercerita mengenai PCMP, Zairil menyatakan bahawa pada 11 Mei 2019, delegasi Kerajaan Negeri yang diketuai oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow telah mengadakan pertemuan bersama-sama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan Ketua-ketua Pegawai Eksekutif syarikat telekomunikasi utama negara.

"Perbincangan tersebut lebih menjurus ke arah menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang pintar dengan kemudahan telekomunikasi bertaraf antarabangsa seiring dengan Visi Penang2030.

"Malah, sebuah Pasukan Petugas Khas yang dipengerusikan oleh Ketua Menteri dibentuk bagi menyelaras, merancang dan melaksanakan semua perkara berkaitan telekomunikasi di negeri ini dengan tagline *'Facilitated by the State, Guided by Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC) and Delivered by Telcos'*.

*(Sambungan di muka 2).*

*(Sambungan dari muka 1).*

# Pulau Pinang sebagai negeri pintar

"Hal ini membuktikan bahawa Kerajaan Negeri sangat komited dalam memastikan penyediaan infrastruktur digital yang komprehensif dan berkualiti tinggi untuk rakyatnya," katanya yang juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Teknikal PCMP.

## Kerangka PCMP

Dimaklumkan bahawa kerangka PCMP merangkumi empat perkara iaitu Bidang Keberhasilan Utama (KRA); Petunjuk Prestasi Utama (KPI); Inisiatif Strategik dan Pelan Tindakan.

Melalui KRA, tiga perkara diberikan perhatian iaitu pengukuhan tadbir urus; peningkatan kualiti infrastruktur dan pemantapan advokasi masyarakat.

Selain KRA, PCMP turut menetapkan enam (6) KPI yang perlu dicapai menjelang tahun 2025 iaitu 100 peratus ketersediaan kelajuan gigabit di ibu negeri (George Town) dan kawasan berimpak tinggi; 50 peratus premis di kawasan berimpak rendah tersedia dengan capaian sehingga 500 Mbps *(megabits per second)* dan ketersediaan 100 peratus rangkaian gentian fiber di sekolah, hospital, perpustakaan, balai polis dan pejabat pos.

Hal ini termasuk memastikan kelajuan purata jalur lebar mudah alih 50 Mbps di 100 peratus kawasan berpenduduk; *Drop Call Rate* (DCR) kurang daripada tiga peratus dan *Call Setup Successful Rate* (CSSR) sama atau melebihi 95 peratus di kawasan *'Green Connector'* di negeri ini dan sasaran sehingga 90 peratus jumlah aduan tentang medan elektromagnetik (EMF) diselesaikan.

"Bagi sasaran kelajuan purata jalur lebar mudah alih sasaran JENDELA adalah 35 Mbps menjelang 2022, tetapi kita menawarkan 50 Mbps.

"Maka, melalui PCMP ini, rakyat bukan sahaja dapat menikmati perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi yang meluas tetapi juga menjadi pemangkin ekonomi digital yang disasarkan sebagai salah satu industri masa depan terpenting," ulasnya.

## Perkembangan Semasa dan Sasaran Masa Hadapan

Mengulas mengenai perkembangan terkini, Zairil memberitahu bahawa Fasa 1 telah dimulakan sejak 2020 dan dijangka siap menjelang 2022.

"Fasa permulaan ini akan memastikan sumber sedia ada digunakan secara optimum bagi capaian akses tetap dan mudah alih dengan meluaskan liputan rangkaian 4G daripada 91.8 peratus kepada 96.9 peratus di kawasan berpenduduk.

"Terkini, Kerajaan Negeri menjadi pemudah kerjasama dalam projek JENDELA kendalian SKMM yang mana Pulau Pinang telah merekodkan sebanyak 96,085 premis telah disediakan jalur lebar talian tetap.

"Selain itu, sebanyak 77 tapak baharu menara komunikasi dibina bagi meluaskan liputan dan 1,277 stesen pemancar telekomunikasi dinaik taraf daripada 3G kepada 4G yang mana rangkaian 3G akan ditamatkan secara berperingkat mulai tahun ini,

"Inisiatif ini dapat menjadikan Pulau Pinang berada dalam keadaan 100 peratus rangkaian 4G dan bersedia untuk teknologi 5G nanti," ujarnya yang berharap proses tersebut berjalan lancar seperti yang dirancang.

Sehingga kini, pelaksanaan Pelan Tindakan PCMP adalah 48 peratus siap manakala 20 peratus lagi sedang dalam tindakan. Baki 32 peratus akan dilaksanakan mengikut tempoh masa yang ditetapkan.

"Setakat suku pertama tahun 2021, Pulau Pinang telah mencapai 99.68 peratus rangkaian 4G LTE *(Long Term Evolution)* di kawasan berpenduduk berbanding kadar nasional 93.77 peratus.

"Suku keempat tahun 2020, statistik SKMM merekodkan kadar penembusan jalur lebar bagi setiap 100 penduduk adalah 45.1 peratus bagi jalur lebar tetap dan 14.4 peratus jalur lebar mudah alih.

"(Dan) pastinya kita mensasarkan untuk liputan rangkaian yang lebih baik dan meluas pada masa hadapan melalui Pelan Tindakan PCMP ini," katanya.

Sebagai rekod antara kejayaan yang telah dilakar melalui Pelan Tindakan PCMP ini adalah mewujudkan prosedur operasi standard (SOP) bagi bantahan penduduk berhubung struktur pemancar telekomunikasi di negeri ini dan telah dikuatkuasakan pada 1 Januari 2020. SOP sama turut diguna pakai oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan SKMM sebagai panduan di negeri-negeri lain.

Selain itu, pada 1 Ogos 2020, Kerajaan Negeri telah menguatkuasakan garis panduan bagi pembinaan struktur telekomunikasi di atas tanah atau bangunan milik kerajaan. Bagi pembinaan di atas tanah milik Wakaf Pulau Pinang, sedang dalam perbincangan dan penelitian.

Turut melakar kejayaan adalah Projek Allo Nationwide Fiberisation Plan (ANFP) secara *Proof of Concept* (POC) yang merangkumi beberapa kawasan *'underserved'* di Seberang Jaya, Penanti, Jelutong, Balik Pulau dan Batu Maung. Projek ini akan memberi manfaat internet berkelajuan tinggi dan dijangka siap pada penghujung tahun 2022 nanti.

Mengakhiri temu bual, Zairil menzahirkan keyakinan bahawa Pulau Pinang mampu mengecapi kejayaan dalam merealisasikan PCMP sekali gus menjadi contoh kepada negeri-negeri lain di Malaysia.

KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

**KENYATAAN MEDIA**

**PENGHARGAAN KEPADA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG MENGIKTIRAF INFRASTRUKTUR TELEKOMUNIKASI SEBAGAI UTILITI AWAM**

Saya menyambut baik dan mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana menyokong agenda Kerajaan Persekutuan dalam mengukuhkan kesalinghubungan internet menerusi pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) dan telah menguatkuasakan polisi infrastruktur telekomunikasi sebagai utiliti awam, setaraf dengan bekalan air dan elektrik.

Melalui penguatkuasaan polisi ini, perancangan penyediaan infrastruktur telekomunikasi akan menjadi antara kriteria Kebenaran Merancang (KM) bagi pembangunan baharu di sesebuah lokasi. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan mempunyai pembangunan yang dirancang dengan lebih baik yang menjadikannya lebih berdaya saing dan mampan bagi menarik minat pelabur kerana perkhidmatan komunikasi telah tersedia. Selain itu, syarikat penyedia perkhidmatan juga akan mendapat peluang pelaburan yang lebih menarik.

Saya juga mengalu-alukan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri Johor, Kedah dan Melaka yang telah memulakan proses untuk menguatkuasakan polisi ini. Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) menerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) bersama pihak industri akan terus bekerjasama dengan Kerajaan Negeri bagi memastikan infrastruktur telekomunikasi sebagai utiliti ketiga akan menjadi kenyataan menjelang tahun 2021.

Kepantasan Kerajaan-kerajaan Negeri dan PBT dalam meluluskan permohonan akan memberi impak positif kepada kemasukan lebih banyak pelaburan oleh syarikat-syarikat telekomunikasi, sekaligus mencetuskan *spill-over effect* kepada pembangunan sesebuah lokasi atau negeri.

Saya yakin kejayaan JENDELA akan menjadi komponen penting dalam usaha membawa kemakmuran kepada negara dan dinikmati semua lapisan masyarakat. Kami di KKMM akan memantau perkembangan inisiatif ini secara dekat untuk memastikan sasaran JENDELA berjaya dicapai mengikut jadual.

**DATO' SAIFUDDIN ABDULLAH**
**MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA**

**22 DISEMBER 2020**

**KENYATAAN media oleh Menteri Komunikasi dan Multimedia yang menzahirkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.**




Oleh: **AZMI HUSSIN**

# KAFA Pulau Pinang peneraju inisiatif pembelajaran dalam talian

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**KERAJAAN** Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang sentiasa komited dalam usaha memartabatkan institusi pendidikan Islam di negeri ini termasuk memastikan pelaksanaan dan keberkesanan Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA).

Sejak ditubuhkan pada tahun 1990, KAFA Pulau Pinang telah mengalami perubahan daripada hanya sekadar kelas tambahan untuk mempelajari atau mendalami ilmu agama semata-mata kepada pendidikan yang berteraskan Al-Quran dan juga teknologi.

Bertemakan 'Ke Arah Pendidikan Berkualiti dan Berkat', KAFA Pulau Pinang telah merancakkan strategi pendidikan bermula dengan langkah membina kredibiliti dan profesionalisme seperti mencipta domain KAFA.edu.my serta logo sendiri.

Hasilnya, daripada negeri dengan kedudukan tercorot dalam Ujian Penilaian Kelas KAFA (UPKK) di peringkat kebangsaan iaitu di tangga ke-13 pada tahun 2015, kepada tempat pertama selama tiga tahun berturut-turut sejak 2017.

## Kecemerlangan UPKK dan penggunaan teknologi

Menurut Pengerusi Persatuan Guru-Guru KAFA dan Penyelia KAFA Pulau Pinang, **MOHD. NAIM SALLEH**, pencapaian tersebut bukan suatu kerja yang mudah melainkan dengan kesungguhan serta usaha berterusan oleh pihak-pihak terlibat.

Beliau berkata, langkah awal yang diambil untuk meningkatkan tahap kecemerlangan KAFA Pulau Pinang adalah melalui penubuhan Persatuan Guru-Guru KAFA pada tahun 2016 sebagai badan pengelola bagi program kurikulum dan ko-kurikulum.

"Sebelum ini, tidak ada badan yang mengelola program kurikulum dan ko-kurikulum menyebabkan sistem pembelajaran tampak agak bercelaru kerana semua program dikendalikan oleh sekolah masing-masing.

"Justeru, selepas penubuhan persatuan (Guru-Guru KAFA), kita telah menyelaraskan beberapa program terutamanya berkaitan format soalan peperiksaan UPKK selain turut menganjurkan seminar serta menghantar guru-guru menghadiri kursus.

"Serentak itu, kita juga berusaha mencari kaedah untuk cemerlang dalam UPKK dengan merancang beberapa pendekatan baru dan akhirnya berjaya menduduki tempat kesembilan di peringkat kebangsaan pada tahun 2016.

"Lebih manis lagi apabila pada tahun 2017, kita berjaya menduduki tempat pertama dan mengekalkan kedudukan ini selama tiga tahun berturut-turut," katanya ketika wawancara khas bersama-sama Buletin Mutiara di Pusat Kegiatan Guru Sekolah-Sekolah Agama Islam Pulau Pinang dekat Tasek Gelugor baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Mohd. Naim juga memberitahu bahawa KAFA Pulau Pinang merupakan KAFA pertama di negara ini yang mengimplementasikan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) pada tahun 2018 iaitu sebelum pandemik COVID-19 melanda negara.

Malah menurut beliau, semua bahan bantu mengajar juga adalah dihasilkan sepenuhnya oleh tenaga kerja Persatuan Guru-Guru KAFA Pulau Pinang sendiri.

"Kaedah PdPR yang kita laksanakan adalah dengan cara kita rakam bahan-bahan bantu mengajar ini terlebih dahulu dan dihantar ke sekolah-sekolah untuk dimanfaatkan oleh guru-guru serta para pelajar.

"Selain itu, kita juga memuat naik program-program yang dihasilkan ke laman *YouTube* KAFA Pulau Pinang untuk membolehkan lebih ramai pelajar mengakses bahan bantu mengajar ini walaupun ketika mereka berada di rumah masing-masing.

"Kaedah ini ternyata berjaya serta mendapat sambutan memberangsangkan sehingga pernah mencapai jumlah *'views'* sebanyak 443,373 pengunjung sehingga bulan Ogos tahun lepas.

"Selain program PdPR, kita juga pernah menganjurkan pertandingan nasyid terbesar dan program tilawah Al-Quran secara dalam talian," ulasnya.

Dalam pada itu, Mohd. Naim menyatakan bahawa hasil sumbangan daripada pelbagai pihak termasuk Kerajaan Negeri dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP), KAFA Pulau Pinang berjaya membangunkan dua studio yang dilengkapi dengan kemudahan skrin hijau.

"Studio ini dibangunkan di dua lokasi iaitu di PKG (Padang Menora) dan Sekolah Kebangsaan (SK) Lahar Yooi yang merupakan sekolah rintis untuk pelaksanaan projek PdPR yang mengguna pakai skrin hijau.




**PAPARAN *KAFA Penang Prime Time* yang merupakan antara program yang mendapat sambutan menggalakkan daripada pelajar dan ibu bapa.**



**MOHD. Naim Salleh.**

"Kebanyakan projek PdPR yang kita hasilkan adalah menggunakan skrin hijau serta peralatan muzik yang ada di studio Team Media KAFA bagi meningkatkan mutu program selain lebih berkesan untuk menarik minat pelajar," ujarnya.

Mohd. Naim berkata bahawa KAFA Pulau Pinang turut melangkah setapak lagi ke hadapan apabila memperkenalkan kaedah temuduga guru-guru secara dalam talian bermula tahun 2019.

"Bukan itu sahaja, KAFA Pulau Pinang juga menyediakan perkhidmatan untuk mengisi Rancangan Pengajaran Harian (eRPH) secara dalam talian bermula tahun lepas.

"KAFA Pulau Pinang sekali lagi menjadi institusi pendidikan pertama yang menyediakan kemudahan Kod QR untuk ibu bapa pelajar menyemak aktiviti serta pencapaian anak masing-masing di sekolah.

"Kita harap kecemerlangan ini dapat dikekalkan pada tahun-tahun akan datang dan lebih banyak inisiatif baru dapat dirangka untuk memastikan KAFA Pulau Pinang sentiasa mendahului serta menjadi contoh kepada negeri-negeri lain," katanya.

## Cabaran dan harapan

Serentak itu, Mohd. Naim turut menzahirkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri yang sentiasa prihatin terhadap kebajikan guru-guru KAFA di negeri ini dengan menaikkan elaun saban tahun.

"Sejak tahun 2015, Kerajaan Negeri tidak pernah gagal menyediakan peruntukan untuk elaun tambahan kepada guru-guru KAFA daripada RM50 pada tahun 2015 kepada RM300 kini yang menjadikan elaun yang diterima adalah sebanyak RM1,200 sebulan.

Menyentuh soal cabaran, beliau menjelaskan bahawa permasalahan yang sedang dihadapi oleh KAFA Pulau Pinang adalah berkaitan capaian internet yang kurang memuaskan.

"Berdasarkan maklum balas daripada waris pelajar tentang isu pelaksanaan PdPR ini adalah tentang capaian internet yang lemah sehingga mengganggu tumpuan terhadap proses pembelajaran.

"Selain itu, guru-guru juga masih kekurangan peralatan elektronik seperti peranti pintar dan data internet yang amat penting untuk menghasilkan program-program PdPR," jelasnya.

Justeru, Mohd. Naim mencadangkan beberapa penambahbaikan yang boleh dilakukan untuk meningkatkan kualiti program pengajaran dan pembelajaran (PdP) sedia ada kini.

"Salah satunya adalah setiap kariah (masjid) diperuntukkan dengan jaringan jalur lebar yang baik supaya murid dapat mengakses bahan PdP tanpa sebarang masalah.

"Selain itu, semua guru perlu diperuntukkan dengan data khas untuk mengakses bahan serta menjalankan PdP selain melengkapkan PKG dengan kemudahan internet yang laju," serunya.

Difahamkan, terdapat 206 buah KAFA di Pulau Pinang iaitu 103 (KAFA Integrasi) dan 103 (KAFA Tulen) dengan jumlah pelajar seramai 43,848 orang.

Jumlah tenaga pengajar pula adalah seramai 1,530 orang yang terdiri daripada pelbagai peringkat kelulusan akademik bermula Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sehingga ke ijazah sarjana.

# Sumbangan bersama lawan pandemik

**GEORGE TOWN –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow dan semua Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (Exco) Pulau Pinang bersetuju menyumbang satu bulan gaji bagi Jun 2021 kepada Tabung COVID-19 negeri.

Kon Yeow berkata bahawa perkara itu telah diputuskan dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) Pulau Pinang yang bersidang pada 2 Jun lalu.

"Keputusan ini dibuat sebagai tanda solidariti dalam usaha melawan pandemik COVID-19 di negeri ini.

"(Dan) sumbangan tersebut akan digunakan dengan sebaiknya termasuk dalam aspek kesihatan awam dan juga pembangunan ekonomi Pulau Pinang secara keseluruhan," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan pada hari sama.

Tambah beliau, sumbangan terbaru itu merupakan kali kedua dibuat selepas kali pertama diputuskan pada tahun 2020.

Susulan itu, Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang, Dato' Law Choo Kiang turut menyumbang satu bulan gaji bagi bulan yang sama kepada Tabung COVID-19 Pulau Pinang.

Selain itu, seramai 29 Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) daripada parti kerajaan dan pembangkang juga bersetuju menyumbangkan 30 peratus daripada gaji bulan yang sama kepada tabung berkenaan.

Perkara tersebut dimaklumkan menerusi satu kenyataan bersama antara Choo Kiang dan semua ADUN berkenaan pada 3 Jun lalu.

"Ini merupakan sumbangan kali kedua selepas sumbangan 30 peratus gaji yang telah dibuat pada tahun 2020.

"Kami berharap dengan sumbangan ini, ia akan digunakan dengan sebaiknya demi manfaat rakyat negeri Pulau Pinang yang terpaksa berhadapan dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) selepas pelaksanaan tiga kali PKP sebelum ini," katanya.

Dalam kenyataan sama, Choo Kiang dan semua ADUN meminta seluruh penduduk Pulau Pinang untuk bersama-sama menyokong usaha Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan dalam membendung penularan pandemik COVID-19.

"Pastikan segala SOP (prosedur operasi standard) yang telah ditetapkan dipatuhi sepenuhnya dan membuat pendaftaran Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) dengan segera," serunya.




# Barisan hadapan keutamaan mohon rumah

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN -** Sejak 2008, seramai 6,695 penjawat awam dan petugas barisan hadapan telah ditawarkan rumah mampu milik (RMM) melalui skim perumahan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo memberitahu bahawa hampir 7,000 dalam kalangan penjawat awam dan petugas barisan hadapan di negeri ini yang telah dipilih serta ditawarkan unit RMM.

"Petugas barisan hadapan yang juga merupakan penjawat awam merupakan antara kategori pemohon yang diberikan keutamaan dalam penawaran rumah mampu milik di Pulau Pinang," ujarnya pada sidang media yang diadakan secara langsung menerusi platform *Facebook* sejurus mesyuarat pemilihan rumah mampu milik jenis kos rendah dan sederhana rendah di sini 24 Mei lalu.

Menurut Jagdeep, mesyuarat pemilihan bersama-sama Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) pada hari berkaitan telah meneliti lebih 1,000 permohonan pelbagai kategori.

"Kita (LPNPP) akan memastikan mereka yang berkelayakan terpilih untuk ditawarkan rumah mampu milik.

"Perkara ini sejajar dengan Visi Penang2030 yang mana kita (Kerajaan Negeri) mensasarkan untuk menyediakan 220,000 unit RMM.

"(Dan) sehingga hari ini, sejumlah 117,049 unit atau 53.2 peratus daripada jumlah sasaran telah berjaya dicapai," katanya.

Sebagai rekod, sejajar dengan Visi Penang2030 dalam meningkatkan daya huni bagi menambah baik kualiti kehidupan rakyat, Kerajaan Negeri akan menangani isu kemampuan memiliki rumah dengan mempelbagaikan penawaran kategori perumahan kepada pemohon yang layak.



JAGDEEP Singh Deo.



# ICU Medan Kepala Batas beroperasi

Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**

**BERTAM** – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berharap agar pengoperasian Unit Rawatan Rapi (ICU) Medan atau *'Field ICU'* dekat Hospital Kepala Batas bagi rawatan kritikal COVID-19 dapat berjalan dengan lancar sebagaimana dirancangkan.

"Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan sentiasa bersama-sama memberi sumbangan atau kerjasama yang diperlukan oleh pihak Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi memastikan operasi ICU Medan ini berjalan dengan lancar.

"Saya bagi pihak Kerajaan Negeri mengucapkan terima kasih kepada ATM, KKM, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) dan semua pihak yang bekerjasama memastikan hospital ini dapat beroperasi dalam tempoh yang singkat," katanya selepas mengadakan lawatan ke ICU Medan di sini pada 24 Mei lalu.

Turut hadir, Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Abdul Razak Jaafar; Panglima Briged Keenam Infantri Brigedier Jeneral Khairul Anuar Abd. Aziz; Pengarah Hospital Kepala Batas, Dr. Norhasimawati Abdul Mutalib dan Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang, Ir. Dr. Balamurugan.

Walau bagaimanapun, Kon Yeow menegaskan bahawa segala penambahbaikan kemudahan kesihatan tidak akan dapat menampung jumlah kes COVID-19 yang kian meningkat sekiranya rakyat mengabaikan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan.

"Oleh itu, kita perlu kembali kepada asas iaitu pematuhan SOP, penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan peranan masyarakat serta individu adalah jauh lebih penting berbanding pengoperasian hospital ICU Medan.

"Rakyat perlu melihat isu COVID-19 ini secara serius dengan mengamalkan disiplin diri seperti melakukan *'lockdown'* kendiri sebagaimana yang dinasihati oleh KKM supaya kita dapat melandaikan lengkung jangkitan.

"Jadi, kita (Kerajaan Negeri) berharap agar rakyat faham apa yang sedang dilakukan oleh kerajaan, dan bersama-sama memastikan kes jangkitan dapat dipatahkan dengan pematuhan SOP ditetapkan," serunya.

Dalam pada itu, Khairul Anuar memberitahu bahawa pihaknya perlu melaksanakan ujian terlebih dahulu bagi memastikan semua isu teknikal dapat diatasi sebelum menerima pesakit.

"Bagi pihak ATM, saya amat berpuas hati dan mengucapkan terima kasih kepada pihak Hospital Kepala Batas serta Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana memberikan kerjasama sepenuhnya untuk menjayakan pembinaan hospital ICU Medan ini," ulasnya.

Difahamkan, ICU Medan berkenaan akan menempatkan 27 katil di dalam tiga kontena dan khemah yang dibina dengan konsep hibrid serta dilengkapi dengan peralatan perubatan diperlukan.

Serentak itu, hospital berkaitan turut akan menempatkan kekuatan tiga pegawai, dua pakar bius serta 50 anggota ATM yang akan bertugas selama 24 jam sehari.



**KETUA Menteri ketika diberikan penerangan berhubung pengoperasian ICU Medan bersempena lawatan beliau di sini baru-baru ini.**



**PENGOPERASIAN yang dikawal rapi.**

## Pelan Induk Pelancongan ambil kira realiti semasa pandemik

**TIDAK** ada sesiapa pun menyangka bahawa tanah air Malaysia termasuk negeri Pulau Pinang akan dilanda wabak COVID-19 yang dikatakan bermula pada bulan Disember 2019 lagi.

Jadi, menurut Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, **YEOH SOON HIN**, Pelan Induk Pelancongan Pulau Pinang yang telah siap sebelum pandemik lagi ketika ini memerlukan pelbagai penelitian semula.

Dalam wawancara baru-baru ini, beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong berkata bahawa sebarang rombakan perancangan pada pelan tersebut adalah mengambil kira keadaan sektor-sektor pelancongan negeri yang kian mencabar, antara lain demi membela nasib kelompok rakyat yang terjejas.

"Sebagai persediaan untuk penyediaan Pelan Induk Pelancongan Pulau Pinang, sebenarnya kita (MMK Pelancongan) melibatkan pemegang taruh dalam kalangan pelbagai pihak daripada segi analisis penilaian, sesi tumpu bincang secara berkumpulan, forum dan sesi *'town hall'*.

"Sekiranya tiada pandemik ini, memang ada pelbagai perancangan akan dibuat dalam sektor pelancongan (termasuk) kemasukan pelabur bagi mewujudkan produk pelancongan yang baharu," jelasnya kepada wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** baru-baru ini.

Menurut Soon Hin, pandemik COVID-19 telah mengakibatkan segala aktiviti berkaitan pelancongan terganggu.

Dengan pintu sempadan negara yang masih ditutup, menurut beliau telah mengakibatkan sektor-sektor perkhidmatan pelancongan, para pengusaha hotel dan rumah tumpangan serta produk-produk pelancongan sampingan turut terjejas.



**YEOH Soon Hin menunjukkan salah satu muka surat intipati Pelan Induk Pelancongan Pulau Pinang dikelola pihaknya.**

Susulan itu, tambah beliau, Kerajaan Negeri cuba melakukan beberapa rombakan pada pelan induk tersebut, antaranya menggalakkan penerapan elemen pendigitalan dalam penganjuran acara berkaitan pelancongan.

"Pendigitalan akan diintegrasikan (dalam sektor pelancongan negeri) sejak sebelum pandemik lagi.

"Selepas pandemik, dengan melihat permintaan semasa, juga kesesuaian memang memerlukan penggunaan teknologi untuk melaksanakan aktiviti.

"Perlu bergantung kepada pendigitalan untuk menjana ekonomi, seperti penganjuran program secara hibrid (iaitu acara secara bersemuka dan secara dalam talian) adalah bentuk acara pada masa hadapan.

"Untuk setengah bahagian, digunakan teknologi dan internet tetapi pada setengah bahagian acara yang lebih besar akan menggamit pengunjung untuk duduk dalam acara di negeri ini.

"(Kerajaan Negeri) telah membelanjakan sejumlah peruntukan untuk menjana hasil kepada komuniti setempat. Oleh itu, kita akan terus merancang untuk membela nasib rakyat yang terjejas disebabkan sektor ini tidak dapat dibuka seperti sebelum pandemik," ujarnya.

Bukan setakat itu sahaja, Soon Hin memberitahu bahawa sektor-sektor rakyat yang terlibat dalam industri pelancongan negeri sama ada secara langsung atau tidak turut dibantu menerusi pelan induk pelancongan yang 'diubah suai' berkaitan.

Buat masa ini, sementara menunggu pintu antarabangsa dibuka semula, Soon Hin berkata bahawa pihaknya sedang bertungkus-lumus untuk menggalakkan pelancongan domestik dengan memberi keyakinan kepada semua bahawa negeri ini selamat daripada segi keselamatan awam dan keselamatan kesihatan.

"Tumpuan kita sekarang adalah vaksinasi bagi *'economic frontliners'* dipercepatkan, pertama untuk mereka yang terlibat dalam aktiviti industri, kedua adalah sektor pelancongan.

"Dengan pendekatan ini, nescaya ia akan mengukuhkan kembali industri pelancongan negeri kerana khalayak lebih yakin untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan domestik utama mereka (apabila keadaan mengizinkan kelak)," ulasnya.

# Nostalgia di



RUMAH Pam Lahar Tiang.

**SEBUAH** jeti lama berusia lebih 200 tahun dekat Permatang Bendahari dikatakan sebagai salah satu simbol bahawa kawasan hilir Sungai Muda yang menjadi sempadan antara negeri Pulau Pinang dan Kedah suatu masa dahulu pernah menjadi pekan penting yang menjalankan aktiviti ekonomi.

Menurut naratif orang tempatan, sebelum adanya Jambatan Merdeka serta beberapa buah jambatan lain merentasi Sungai Muda, perahu atau lebih tepat perahu tambang merupakan antara pengangkutan utama di sekitar kawasan hilir yang membentuk teluk sebelum bertemu laut.



MOHD. Zamberi Saad.

Menurut Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Bakar Tua, **MOHD. ZAMBERI SAAD**, 44, jeti asal di Permatang Bendahari itu dibina pada tahun 1821, dan masih digunakan sehingga 2006.

"Tak jauh dari jeti asal Permatang Bendahari ini bukan sahaja terdapat sebuah balai polis lama, bahkan deretan rumah kedai serta tapak masjid asal Permatang Bendahari.

"Sehingga hari ini, masih terdapat kedai emas Giap Leong dan kedai pajak yang diwarisi daripada satu generasi kepada satu generasi lain.

"Pengalaman menaiki perahu dari Pasar Bisik dekat Penaga, kemudian singgah naik di Permatang Bendahari, dengan melihat ada bangunan balai polis, deretan kedai dan tapak masjid asal, seakan melengkapkan struktur perbandaran yang begitu pesat di kawasan sekitar pekan lama serta jeti lama dekat Permatang Bendahari pada suatu masa dahulu.

"Tak mungkin di pinggir sungai ini boleh ada lot kedai emas dan kedai pajak serta balai polis, kalau di sini suatu masa dahulu tidak begitu pesat daripada segi aktiviti ekonomi," jelasnya kepada wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan jurugambar, **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**.

Pegawai Penerangan bagi Bahagian Penerangan Kerajaan Negeri, Zahar Zainul, yang mengetuai jerayawara menerusi jalan sungai pada hari tersebut turut mengiyakan naratif orang lama setempat sebagaimana dikongsikan oleh Mohd. Zamberi.

"Mana ada orang nak buka kedai emas di pinggir Sungai Muda ini melainkan di sini pernah menjadi pekan pesat, kalau nisbah sekarang mungkin seperti Pekan Kepala Batas atau Bertam yang kita boleh lihat ada bank-bank, pusat kewangan, pasar raya, kedai emas dan sebagainya," ujarnya.

Tambah beliau, sepatutnya struktur jeti lama Permatang Bendahari yang mempunyai nilai warisan ketara, wajar dipulihara serta dipelihara lagi sebagaimana 'warisan tidak ketara' yang terkenal iaitu Pasar Bisik dekat Penaga.

*(Sambungan di muka 7).*



KINI



2009

RUPA bentuk jeti lama berusia lebih 200 tahun dekat Permatang Bendahari pada tahun 2009 berbanding kini yang terbiar.

(Sambungan dari muka 6).

# Permatang Bendahari

"Pasar Bisik, di Kuala Muda dalam sempadan negeri Pulau Pinang pun ada, di Kuala Muda dalam sempadan negeri Kedah pun ada, Sungai Muda ini merupakan sempadan antara dua negeri, maka tidak boleh mana-mana negeri mendakwa sumber air semula jadi sungai mentah ini milik mutlak negeri mereka semata-mata.

"Kalau ikut cerita orang tua-tua, di sempadan negeri Kedah pun patut ada binaan asal jeti lama seperti di Permatang Bendahari.

"Suatu masa dahulu, Kota Kuala Muda dikatakan sebagai pekan penting di sempadan negeri Kedah, sementara Permatang Bendahari (patut disebut Kota) juga merupakan pusat kegiatan ekonomi penting di bahagian sempadan negeri ini," ulasnya.

Dari jeti lama Permatang Bendahari, kami menaiki semula bot penambang menuju ke hilir Sungai Muda yang menjadi sempadan negeri Pulau Pinang dan Kedah.

Dari Permatang Bendahari, bot penambang kami cuba menghampiri pintu air atau 'tandop' dekat Rantau Panjang.

"Tandop asal yang dibina adalah di dalam sempadan negeri Pulau Pinang, sebelum dibina 'tandop' (dekat Rantau Panjang) di dalam sempadan negeri Kedah.

"Tujuan 'tandop' ini dibina adalah untuk mengawal aliran air ke kawasan-kawasan pertanian di kedua-dua negeri daripada terus mengalir ke laut.

"Begitu juga Rumah Pam Lahar Tiang yang dibina dalam sempadan negeri Pulau Pinang adalah untuk mengekstrak air mentah dalam sempadan negeri ini untuk memastikan bekalan air minuman mencukupi.

"Rumah Pam Lahar Tiang adalah di kedudukan paling hilir berbanding rumah-rumah pam dan empangan lain milik Kerajaan Negeri Kedah, yang mana kalau kita (Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang, PBAPP) tidak ekstrak air mentah itu, ia akan mengalir terus ke laut secara membazir," katanya sambil menganggap Pulau Pinang dan Kedah masing-masing mempunyai hak reparian atas sumber air mentah Lembangan Sungai Muda tersebut.

Di samping itu, Zahar turut menjelaskan bahawa potensi Permatang Bendahari dan Pasar Bisik sebagai destinasi untuk aktiviti kayuhan santai selain aktiviti mencerap burung hijrah.

"Umum mengetahui bahawa sejak jambatan konkrit yang menghubungkan Permatang Bendahari dan Kota Kuala Muda dibina sekitar tahun 2003, perkhidmatan perahu tambang kian suram.

"Pelbagai pihak cuba mempromosikan aktiviti kayuhan merentasi desa serta kawasan sawah padi dari Pejabat MARDI (dekat Pinang Tunggal) sampai ke Rumah Pam PBAPP dekat Lahar Tiang (Penaga).

"Kayuhan merentas desa perlu juga diperluaskan sampai ke Penaga yang mana para pengunjung boleh ada peluang menaiki bot tambang dengan membawa sekali basikal mereka, dari Pasar Bisik ke Permatang Bendahari, kerana di sekitar kawasan ini juga ada pelbagai sumber warisan ketara dan warisan tidak ketara untuk dinikmati oleh pengunjung domestik serta pelancong asing selepas berakhirnya PKP (Perintah Kawalan Pergerakan) kelak.

"Sebenarnya ada banyak lagi nostalgia, kalau kita selami kisah para nelayan dan penduduk setempat di Permatang Bendahari ini," ujarnya.



NELAYAN di Pasar Bisik.



BALAI polis lama yang terletak tidak jauh dari jeti asal Permatang Bendahari.



# Sisi penting perusahaan kuari,




PINTU masuk dengan persekitaran hijau.

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**JIKA** bercakap tentang kegiatan kuari, pastinya yang terlintas dalam fikiran kebanyakan orang adalah perihal kesan negatif berkaitan pencemaran sama ada alam sekitar, udara mahupun bunyi.

Namun, tahukah kita bahawa perusahaan kuari juga mempunyai sisi penting dalam arus pemodenan negara terutamanya yang berkaitan dengan pembangunan dan pertumbuhan sektor ekonomi.

Baru-baru ini, pasukan Buletin Mutiara diberi peluang untuk mendekati dan memahami lebih mendalam mengenai kepentingan kegiatan kuari kepada kehidupan dan pembangunan masyarakat di negara ini termasuk Pulau Pinang.

FYS Marketing Sdn. Bhd. (FYS) antara syarikat yang telah menjalankan perusahaan kuari sejak 1960 iaitu lebih 60 tahun lalu di negeri ini dan berjaya menonjolkan perspektif berbeza bagi kegiatan tersebut.

Pengerusinya, **ZEEMS FOO KHENG SIN** memberitahu bahawa sumber galian seperti granit, batu kerikil, batu hancur, pasir, sanga dan konkrit merupakan elemen penting dalam industri pembinaan di negara ini.

## Cabaran

Tambah beliau, sumber galian dapat membantu manusia membangunkan infrastruktur dan prasarana, membina jalan raya serta meningkatkan kualiti kehidupan.

"Tidak akan ada pembangunan tanpa kegiatan kuari kerana kebanyakan bahan asas untuk memulakan pembinaan adalah menggunakan sumber galian.

"Namun begitu, pengetahuan masyarakat tentang kuari masih lagi minimum, walau bagaimanapun kita tidak boleh menyalahkan mereka kerana aktiviti ini tidak diterangkan dan dijelaskan dengan baik kepada orang ramai.



ZEEMS Foo Kheng Sin.

"Oleh hal demikian, untuk mengubah pandangan masyarakat terhadap kegiatan kuari, kami telah melancarkan konsep baru yang dikenali sebagai 'pelancongan kuari' yang mana ia dapat membantu mengubah persepsi masyarakat terhadap industri ini.

"Sebagai contoh, kami menetapkan beberapa zon bagi tapak kuari kami, iaitu bermula dengan kawasan rekreasi sehingga zon bahaya," katanya pada sesi taklimat khas sempena lawatan Buletin Mutiara ke tapak kuari FYS di Bukit Mertajam baru-baru ini.



SIJIL-sijil penganugerahan yang diterima FYS Marketing Sdn. Bhd..

Tambah Kheng Sin, cabaran utama dalam mengusahakan kegiatan kuari adalah untuk menangani aduan daripada penduduk setempat berkaitan isu keselamatan serta pencemaran alam sekitar.

"Contohnya pada tahun 2012, FYS menerima aduan daripada komuniti setempat yang baru sahaja berpindah ke skim perumahan yang jaraknya kira-kira 500 meter (m) daripada tapak kuari kami.

"Aduan tersebut dikemukakan kepada Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) berkaitan isu pencemaran habuk, bunyi, gegaran serta keselamatan jalan raya akibat operasi kuari.

"Ini adalah cabaran utama yang kami hadapi dalam beberapa dekad lalu yang mana jika krisis ini tidak ditangani dengan baik, ia akan mendatangkan risiko penutupan operasi terhadap pihak syarikat," jelasnya.

## Implementasi Model ESP

Kheng Sin menyatakan bahawa FYS telah merangka strategi untuk mengubah cara tradisional kegiatan kuari dengan mengintegrasikan 'Sistem Pembuatan Industri' dan Konsep Ekopelancongan (ESP) yang menggunakan teknologi hijau bagi mengurangkan kesan pencemaran.

Oleh itu, menurut beliau, FYS telah mengimplementasikan tiga tahap di bawah 'Model ESP' iaitu Persekitaran, Keselamatan dan Pengeluaran (Tahap 1); Pendidikan, Sosial dan Manusia (Tahap 2) manakala Tahap 3 pula merangkumi Luar Biasa, Penyeragaman dan Profesionalisme.

*(Sambungan di muka 9).*

(Sambungan dari muka 8).

# produk pelancongan unik

Tahap 1 daripada Model ESP adalah melibatkan persekitaran, keselamatan dan pengeluaran yang memfokuskan operasi syarikat untuk memastikan premis kuari dalam keadaan bersih, hijau serta selamat.

“Dengan mengadaptasikan amalan terbaik iaitu Model ESP dalam perusahaan kuari yang dilaksanakan sejak beberapa tahun lalu telah berjaya meminimumkan impak keselamatan dan persekitaran kepada komuniti.

“Selain itu, inisiatif ini juga dapat mempromosikan kegiatan pelancongan kuari sebagai tanda kebersamaan syarikat dengan komuniti setempat melalui perusahaan kuari yang lebih mampan.

“Model ESP yang diimplementasikan oleh FYS menjadi model contoh kepada kebanyakan industri kuari di wilayah utara sehingga kami berjaya menerima tiga pengiktirafan di peringkat kebangsaan serta antarabangsa (2),” ulasnya.

Mengulas lanjut, Kheng Sin menyatakan bahawa Model ESP turut melibatkan aspek keselamatan iaitu usaha untuk mewujudkan persekitaran kerja yang sihat serta selamat dan meningkatkan kesedaran tentang risiko serta bahaya semasa berada di premis kuari.

“Dengan dibantu oleh pengawasan 36 kamera litar tertutup (CCTV) yang dipasang di beberapa lokasi strategik secara tidak langsung telah meningkatkan keefisienan operasi kuari di bahagian huluan (memuat serta mengangkut) dan hiliran (penghancuran serta penyaringan), pengawalan kualiti produk serta keselamatan di sekitar premis kuari.

“Selain CCTV, FYS turut menempatkan pengawal keselamatan yang bertugas selama 24 jam sehari di tapak kuari,” ujarnya.

Mengulas lanjut, beliau memberitahu bahawa Tahap 2 Model ESP adalah lebih tertumpu kepada program tanggungjawab sosial korporat (CSR) kepada komuniti setempat untuk mewujudkan persekitaran yang sihat, gembira dan lebih memahami industri kuari melalui pendidikan.

“Sementara Tahap 3 pula adalah memfokuskan penetapan standard amalan terbaik pengkuarian dengan objektif akhir adalah untuk menjenamakan semula industri kuari dan meningkatkan profesionalisme tukang pemecah batu setaraf peguam, doktor serta lain-lain pekerjaan,” katanya.



**PENTERNAKAN lebah kelulut yang juga merupakan salah satu tarikan.**

## Pelancongan Kuari

Menurut Kheng Sin, FYS merupakan syarikat pengusaha kuari pertama negara yang memperkenalkan aktiviti pelancongan kuari dan membuka pintu kepada orang awam.

Beliau berkata bahawa langkah tersebut adalah merupakan sebahagian usaha yang dilaksanakan oleh FYS untuk mengubah pandangan serta persepsi masyarakat umum terhadap kegiatan kuari.

“Lazimnya, kuari merupakan zon larangan atas faktor-faktor keselamatan, dan orang awam biasanya tidak dibenarkan masuk untuk melihat kegiatan yang dilakukan di tapak kuari.

“Walau bagaimanapun, pada tahun 2012, kami memulakan rancangan untuk membangunkan kawasan selamat yang mana orang awam boleh masuk ke tapak kuari kami dari jam 8 pagi hingga 7 malam.

“Justeru, kini kira-kira 10 peratus ruang di hadapan pintu masuk kuari dibangunkan sebuah taman agro yang turut berfungsi sebagai zon penampan untuk kawasan kejiranan.



**TANGKI yang menempatkan ikan talapia dan mampu menjadi salah satu tarikan kepada pengunjung cilik.**

“Taman yang dikenali sebagai rumah hijau ini ditanam dengan sayuran-sayuran serta buah-buahan menggunakan kaedah hidroponik dan akuaponik.

“Oleh itu, orang ramai juga dapat meluangkan masa bersama-sama keluarga dan rakan-rakan dengan mengunjungi tempat ini sambil menjelajah rumah hijau di tapak kuari kami.

“Melalui usaha mewujudkan persekitaran yang hijau dan bersih seperti ini, masyarakat pastinya akan lebih memahami kepentingan kegiatan kuari,” jelasnya.

Bersebelahan rumah hijau, FYS turut membangunkan kawasan penternakan lebah kelulut yang mana pengunjung boleh datang dan merasai madu asli yang dihasilkan terus dari sarang.

Selain itu tambah Kheng Sin, pengunjung juga dapat melihat ikan talapia pelbagai saiz yang dibela dalam tiga unit tangki besar di belakang rumah hijau.

“Kami juga menyediakan sebuah gazebo berhampiran sangkar ikan untuk digunakan oleh pengunjung untuk duduk serta berehat seketika sambil menikmati pemandangan tumbuh-tumbuhan seperti pokok bunga orkid di taman bersebelahan.



**BUAH tin yang terdapat di rumah hijau.**

“Kawasan ini memang diklasifikasikan sebagai ‘zon selamat’ yang mana di sini terletaknya pejabat pengurusan, kafe dan rumah penginapan untuk para pekerja.

“Bagi tujuan keselamatan juga, para pengunjung diminta membuat temu janji terlebih dahulu sebelum datang melakukan aktiviti di sini.

“Jika pengunjung datang secara berkumpulan, mereka boleh memilih program pendidikan yang mana kami sediakan khidmat jelajah untuk melihat aktiviti di sini termasuk lokasi yang menempatkan mesin berat serta kerja-kerja mengekstrak granit,” ujarnya.

Difahamkan, FYS telah menerima beberapa pengiktifaran atas kecemerlangan mengendalikan kegiatan kuari secara lebih lestari sama ada peringkat negeri mahupun kebangsaan.

Antara anugerah yang telah diraih adalah *Sustainable Development Award 2019* oleh *Junior Chamber International Malaysia* (JCI Malaysia); Anugerah Cemerlang Keselamatan dan Kesihatan Pekerja tahun 2017 dan 2018 serta Anugerah Cemerlang oleh Institut Kuari Malaysia.




**TAMAN Agro yang turut menempatkan rumah hijau sesuai sebagai kawasan riadah penduduk sekitar.**

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| N.26 PADANG KOTA<br>YAB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| N.03 PINANG TUNGGAL<br>YB Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman | (T) 04 - 575 6526<br>(F) 04 - 575 6526 |
